

BUKU PANDUAN



**JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

KESEJAHTERAAN VETERAN ATM

Keutamaan Kami



www.jhev.gov.my



EDISI 2022

ISI KANDUNGAN

OBJEKTIF PENUBUHAN, VISI, MISI	3
FUNGSI JHEV ATM	4
DEFINISI VETERAN	4
BANTUAN SARA HIDUP	5
BANTUAN PERSEKOLAHAN	6
BANTUAN KEMASUKAN IPT	8
BANTUAN PERALATAN PESAKIT	9
BANTUAN BENCANA ALAM	11
KAD VETERAN ATM	12
KEMUDAHAN PERUBATAN	13
RAWATAN JANTUNG DI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN BHD	14
RAWATAN PENYAKIT BUAH PINGGANG	15
RAWATAN KEPAKARAN DI HOSPITAL SWASTA DALAM NEGERI	16
RAWATAN KECEMASAN DI HOSPITAL DAN KLINIK SWASTA	17
PEMBEKALAN UBAT	17
PEMBEKALAN ALAT	18
PERKHIDMATAN PERUBATAN	19
TUNTUTAN RAWATAN DI LUAR STESEN	19
PENCEN TERBITAN	20
PERTUKARAN AKAUN BANK	21
PERTUKARAN SKIM BAYARAN PENCEN	21
BANTUAN MENGURUS JENAZAH	22
PENYATA PENCEN	23
ALAMAT, NO. TELEFON & E-MEL	24

Diterbitkan oleh :
Unit Komunikasi Korporat
JHEV ATM Kementerian Pertahanan
Menara TH Perdana
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR

OBJEKTIF PENUBUHAN

Membantu dalam meningkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan Veteran ATM supaya mereka terus menjadi aset kepada negara dan masyarakat.

Menguruskan faedah persaraan kepada anggota tentera yang telah menamatkan perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Mewujudkan komuniti Veteran yang sejahtera dan cintakan negara.

Memberi Khidmat One Stop Centre yang cekap dan profesional kepada Veteran ATM.

Menggubal dasar hal-hal berkaitan Veteran ATM.

Menguruskan dan memantau pembayaran pencen serta kemudahan rawatan perubahan Veteran ATM dan tanggungan yang layak;

Merancang dan melaksanakan Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV.



VISI

Mewujudkan komuniti Veteran yang **sejahtera** dan **cintakan negara**.



MISI

Memberi Khidmat **One Stop Centre** yang cekap dan profesional kepada Veteran ATM sebagai **pengiktirafan** di atas pengorbanan mereka.

FUNGSI JHEV ATM



Menggubal dasar hal-hal berkaitan Veteran ATM.



Menguruskan faedah persaraan dan kemudahan rawatan perubatan Veteran ATM dan tanggungan yang layak.



Merancang dan **melaksanakan** Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV.

DEFINISI VETERAN

Veteran ATM selaras dengan Akta Veteran 2012 ialah warganegara Malaysia yang telah berkhidmat sepenuh masa dan tidak pernah dibersarakan atau diberhentikan daripada perkhidmatan atas alasan salah laku dalam mana-mana Angkatan yang berikut:


.....
Angkatan tetap Angkatan Tentera Malaysia;

.....
Angkatan sukarela yang dikerah sepenuh masa oleh Angkatan Tentera Malaysia tanpa mengira tempoh perkhidmatan;

.....
Force 136;

.....
Tentera British yang telah berkhidmat di Malaya, Malaysia atau Singapura; dan

.....
Sarawak Rangers
.....





BANTUAN SARA HIDUP

TUJUAN

Bantuan kewangan bulanan bagi meringankan beban tanggungan sara hidup Veteran ATM/orang tanggungan yang hilang upaya/menghidap penyakit kronik dan hidup di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) semasa.

KADAR

RM300 sebulan selama 3 tahun. Kelayakan terbatal jika pemohon meninggal dunia atau tidak layak lagi dari segi syarat pendapatan isi rumah.

KATEGORI PEMOHON DAN MAKLUMAT ASAS PERMOHONAN

Kategori Pemohon :

- Veteran ATM atau
- Balu/duda Veteran ATM yang berkahwin semula tidak layak memohon.
- Anak-anak yatim Veteran ATM yang berumur di bawah 18 tahun dan di bawah 23 tahun jika masih belajar (termasuk anak tiri dan anak angkat sah Veteran dan suami/isteri semasa dalam perkhidmatan). Tiada had kelayakan umur bagi anak yatim yang disahkan daif dari segi fizikal dan mental serta tidak berupaya menanggung diri sendiri; atau
- Penjaga (bagi anak yatim Veteran ATM yang masih kecil atau penerima bantuan yang daif dari segi mental dan fizikal).

Hanya satu (1) permohonan bagi satu Nombor Tentera sahaja dipertimbangkan

Pendapatan pemohon dan semua isi rumah diambil kira dalam pengiraan pendapatan isi rumah. Hanya permohonan dengan pendapatan isi rumah di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan akan dipertimbangkan

Had umur yang layak dipertimbangkan adalah 60 tahun ke atas kecuali menghidap penyakit yang menghalang pekerjaan (dengan pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan)

DOKUMEN DIPERLUKAN

Salinan Kad Veteran ATM

Salinan Kad Pengenalan Veteran ATM (kecuali meninggal dunia)

Salinan Kad Pengenalan Suami/Isteri Veteran (jika berkaitan)

Salinan buku perkhidmatan Veteran ATM untuk setiap muka surat-bagi Veteran ATM Tidak Berpencen sahaja

Salinan MyKad/MyKid/Sijil Lahir anak-anak dan isi rumah lain yang tinggal bersama
Salinan Kad OKU (jika berkaitan)
Salinan bil elektrik/bil air
Salinan buku bank/cetakan maklumat akaun bank pemohon yang aktif
Salinan MyKad Penjaga (jika berkaitan)
Salinan pendaftaran/maklumat dalam sistem e-kasih (jika ada)
Sijil nikah/sijil perkahwinan/sijil penceraian (jika berkaitan)
Sijil pengangkatan (jika berkaitan)
Sijil kematian (jika berkaitan)
Surat perakuan muflis (jika berkaitan)
Dokumen lain (nyatakan)

Nota:

- Kadar bantuan : RM300 sebulan
- Bantuan akan terhenti jika pemohon yang diluluskan bantuan meninggal dunia atau tidak lagi layak dari segi syarat bantuan
- Bantuan tidak bersifat diwarisi. Sekiranya tamat tempoh perlu mohon semula bagi tujuan pertimbangan
- Hanya satu permohonan dipertimbangkan bagi satu Nombor Tentera



BANTUAN PERSEKOLAHAN

TUJUAN

Bantuan kewangan tahunan bagi membiayai anak-anak Veteran ATM meneruskan pelajaran mereka di peringkat rendah dan menengah/ Vokasional.

KADAR

- RM500 setahun** bagi sekolah rendah kebangsaan
- RM700 setahun** bagi sekolah menengah Kebangsaan/kolej vokasional

KATEGORI PEMOHON DAN MAKLUMAT ASAS PERMOHONAN

Kategori Pemohon :

- Veteran ATM atau
- Balu/duda Veteran ATM yang berkahwin semula tidak layak memohon.
- Anak-anak yatim Veteran ATM yang berumur di bawah 18 tahun dan di bawah 23 tahun jika masih belajar (termasuk anak tiri dan anak angkat sah Veteran dan suami/isteri semasa dalam perkhidmatan). Tiada had

kelayakan umur bagi anak yatim yang disahkan daif dari segi fizikal dan mental serta tidak berupaya menanggung diri sendiri; atau
d. Penjaga (bagi anak yatim Veteran ATM yang masih kecil atau penerima bantuan yang daif dari segi mental dan fizikal.

Hanya satu (1) permohonan bagi satu Nombor Tentera sahaja dipertimbangkan

Pendapatan pemohon dan semua isi rumah diambil kira dalam pengiraan pendapatan isi rumah. Hanya permohonan dengan pendapatan isi rumah di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan akan dipertimbangkan

Permohonan dibuka sepanjang tahun semasa. Bagi anak yang akan tamat peringkat sekolah rendah dan ingin memohon bagi peringkat sekolah menengah, permohonan baharu perlu dikemukakan

DOKUMEN DIPERLUKAN

Salinan Kad Veteran ATM
Salinan Kad Pengenalan Veteran ATM (kecuali meninggal dunia)
Salinan Kad Pengenalan Suami/Isteri Veteran (jika berkaitan)
Salinan buku perkhidmatan Veteran ATM untuk setiap muka surat-bagi Veteran ATM Tidak Berpencen sahaja
Salinan MyKad/MyKid/Sijil Lahir anak-anak dan isi rumah lain yang tinggal bersama
Salinan Kad OKU (jika berkaitan)
Salinan bil elektrik/bil air
Salinan buku bank/cetakan maklumat akaun bank pemohon yang aktif
Salinan MyKad Penjaga (jika berkaitan)
Salinan pendaftaran/maklumat dalam sistem e-kasih (jika ada)
Sijil nikah/sijil perkahwinan/sijil penceraian (jika berkaitan)
Sijil pengangkatan (jika berkaitan)
Sijil kematian (jika berkaitan)
Cop sekolah di Bahagian G
Surat perakuan muflis (jika berkaitan)
Surat tawaran kemasukan Kolej Vokasional/Sekolaha Berasrama Penuh
Dokumen lain (nyatakan)

Nota:

- Bantuan akan terhenti jika anak pemohon tamat peringkat persekolahan yang diluluskan (contoh: tamat darjah 6 atau tingkatan 5)
- Jika ingin menyambung bantuan (contohnya: peringkat Menengah-(tingkatan 1 @ tingkatan 6, perlu mohon semula
- Hanya seorang anak dipertimbangkan bagi satu Nombor Tentera



BANTUAN KEMASUKAN IPT

TUJUAN

Bantuan kewangan sekaligus bagi meringankan beban kewangan ketika pendaftaran kemasukan ke Universiti Awam/Politeknik dan IPTS terpilih bagi anak-anak Veteran ATM.

KADAR

1. **RM1000** bagi pengajian peringkat Diploma /Asasi/ Matrikulasi
2. **RM1500** bagi pengajian peringkat Ijazah Pertama

KATEGORI PEMOHON DAN MAKLUMAT ASAS PERMOHONAN

Kategori Pemohon :

- a. Veteran ATM atau
- b. Balu/duda Veteran ATM yang berkahwin semula tidak layak memohon.
- c. Anak-anak yatim Veteran ATM yang berumur di bawah 18 tahun dan di bawah 23 tahun jika masih belajar (termasuk anak tiri dan anak angkat sah Veteran dan suami/isteri semasa dalam perkhidmatan). Tiada had kelayakan umur bagi anak yatim yang disahkan daif dari segi fizikal dan mental serta tidak berupaya menanggung diri sendiri;

Anak Veteran ATM-tidak melebihi umur 23 tahun ketika pendaftaran

Pengajian sepenuh masa sahaja. Kursus berbentuk latihan yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan tidak layak dipertimbangkan

Permohonan disertakan bersama surat tawaran kemasukan dan resit asal pembayaran dalam tempoh setahun dari tarikh pendaftaran

DOKUMEN DIPERLUKAN

Salinan Kad Veteran ATM

Salinan Kad Pengenalan Veteran ATM (kecuali meninggal dunia)

Salinan Kad Pengenalan Suami/Isteri Veteran (jika berkaitan)

Salinan buku perkhidmatan Veteran ATM untuk setiap muka surat-bagi Veteran ATM Tidak Berpencen sahaja

Salinan MyKad/MyKid/Sijil Lahir anak-anak dan isi rumah lain yang tinggal bersama

Salinan Kad OKU (jika berkaitan)

Salinan buku bank/cetakan maklumat akaun bank pemohon yang aktif

Sijil pengangkatan (jika berkaitan)

Salinan MyKad Anak yang menerima tawaran kemasukan ke Politeknik/
IPTA/IPTS terpilih

Surat tawaran kemasukan ke ke Politeknik/IPTA/IPTS terpilih

Resit asal bayaran kemasukan

Surta perakuan muflis (jika berkaitan)

Dokumen lain (nyatakan)

Nota:

- Bantuan ini hanya untuk pengajian di peringkat asasi, matrikulasi, diploma atau ijazah pertama sahaja
- Permohonan yang melebihi tempoh setahun dari tarikh pendaftaran kemasukan tidak dipertimbangkan
- Hanya satu bantuan bagi satu peringkat sahaja dipertimbangkan untuk anak Veteran ATM. Contohnya, jika anak tersebut telah menerima bantuan semasa di peringkat diploma, permohonan untuk kemasukan beliau di peringkat Ijazah Pertama tidak dipertimbangkan
- Bantuan ini terbuka bagi setiap anak Veteran ATM yang layak



BANTUAN PERALATAN PESAKIT

TUJUAN

Memberi bantuan kewangan sekaligus kepada Veteran ATM dan orang tanggungan untuk membeli peralatan bantuan sokongan seperti kerusi roda, tongkat, katil, tilam dan peralatan lain yang layak.

KADAR

- ▶ **Maksimum RM5,000** untuk satu permohonan.
- ▶ Perolehan **tidak mengikut syor pegawai perubatan/melebihi kelayakan/melebihi nilai pasaran** – JHEV ATM berhak mempertimbangkan peralatan yang relevan

KATEGORI PEMOHON DAN MAKLUMAT ASAS PERMOHONAN

Kategori Pemohon :

- Veteran ATM atau
- Balu/duda Veteran ATM yang berkahwin semula tidak layak memohon.
- Anak-anak yatim Veteran ATM yang berumur di bawah 18 tahun dan di bawah 23 tahun jika masih belajar (termasuk anak tiri dan anak angkat sah Veteran dan suami/isteri semasa dalam perkhidmatan). Tiada had kelayakan umur bagi anak yatim yang disahkan daif dari segi fizikal dan mental serta tidak berupaya menanggung diri sendiri; atau

d. Penjaga (bagi anak yatim Veteran ATM yang masih kecil atau penerima bantuan yang daif dari segi mental dan fizikal.

Tuntutan pembayaran balik hendaklah dibuat tidak melebihi tempoh satu (1) tahun daripada tarikh pembelian alat berkenaan dan disertakan dengan resit asal (cash sales) sahaja. Invois tidak diterima

Bantuan bagi peralatan yang sama hanya layak dipertimbangkan semula selepas tempoh lima (5) tahun.

Permohonan hendaklah disertakan dengan laporan/memo daripada Pegawai Perubatan Kerajaan bagi menyokong keperluan, sebutharga atau resit asal pembelian

DOKUMEN DIPERLUKAN

Salinan Kad Veteran ATM
Salinan Kad Pengenalan Veteran ATM (kecuali meninggal dunia)
Salinan Kad Pengenalan Suami/Isteri Veteran (jika berkaitan)
Salinan buku perkhidmatan Veteran ATM untuk setiap muka surat-bagi Veteran ATM Tidak Berpencen sahaja
Sijil nikah/sijil perkahwinan/sijil perceraian (jika berkaitan)
Salinan kad pengenalan anak yatim yang memohon (jika berkaitan)
Salinan Kad Pengenalan anak (jika penerima peralatan adalah anak tanggungan Veteran)
Salinan sijil pengangkatan (jika penerima peralatan adalah anak angkat sah Veteran))
Salinan buku bank/cetakan maklumat akaun bank pemohon yang aktif
Salinan mykad penjaga (jika berkaitan)
Laporan perubatan/memo Pegawai Perubatan
Resit asal pembelian peralatan (bagi tuntutan bayaran balik)
Dokumen lain (nyatakan)

Nota:

- Permohonan dikemukakan dalam tempoh setahun dari tarikh pembelian peralatan (bagi tuntutan bayaran balik pembelian peralatan pesakit)
- Resit asal pembelian perlu dilampirkan
- Kadar bantuan (bagi tujuan pembayaran balik atau pembelian peralatan) adalah berdasarkan jenis penyakit, kategori peralatan berdasarkan keperluan sokongan tersebut dan syor Penasihat Perubatan Jawatankuasa Kebajikan dan Kemudahan Perubatan JHEV ATM



BANTUAN BENCANA ALAM

TUJUAN

Memberi bantuan kewangan sekaligus untuk meringankan beban dan kesusahan yang dialami oleh Veteran atau orang tanggungan akibat bencana alam seperti ribut, kebakaran dan sebagainya yang menyebabkan kerosakan struktur terhadap kediaman beliau sehingga menjajakan kebergunaan rumah kediaman tersebut

KADAR

Maksimum RM10,000 sekaligus mengikut kes dan berdasarkan laporan siasatan dan anggaran kerosakan oleh Jurutera Jabatan Kerja Raya.

KATEGORI PEMOHON DAN MAKLUMAT ASAS PERMOHONAN

Kategori Pemohon :

- Veteran ATM atau
- Balu/duda Veteran ATM yang berkahwin semula tidak layak memohon.
- Anak-anak yatim Veteran ATM yang berumur di bawah 18 tahun dan di bawah 23 tahun jika masih belajar (termasuk anak tiri dan anak angkat sah Veteran dan suami/isteri semasa dalam perkhidmatan). Tiada had kelayakan umur bagi anak yatim yang disahkan daif dari segi fizikal dan mental serta tidak berupaya menanggung diri sendiri;
- Penjaga (bagi anak yatim Veteran ATM yang masih kecil atau penerima bantuan yang daif dari segi mental dan fizikal)

Hanya satu (1) permohonan bagi satu Nombor Tentera sahaja dipertimbangkan

Pemohon bermastautin di kediaman yang dilanda bencana tersebut

Kerosakan yang diambilkira untuk pertimbangan bantuan adalah struktur kediaman utama sahaja tidak termasuk kerosakan harta benda, dokumen peribadi dan struktur bangunan luar rumah.

Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh setahun dari tarikh kejadian kebakaran/bencana alam bersama gambar semasa kejadian bencana (jika ada) atau sebelum kerja pembaikan dan selepas kerja pembinaan dilaksanakan (jika kerosakan telah dibaiki): dan

Pemohon perlu mengemukakan resit asal kerja pembaikkan (jika kerja pembaikkan telah dilakukan)

DOKUMEN DIPERLUKAN

Salinan Kad Veteran ATM
Salinan Kad Pengenalan Veteran ATM (kecuali meninggal dunia)
Salinan Kad Pengenalan Suami/Isteri Veteran (jika berkaitan)
Salinan buku perkhidmatan Veteran ATM untuk setiap muka surat-bagi Veteran ATM Tidak Berpencen sahaja
Sijil kematian (jika berkaitan)
Salinan buku bank/cetakan maklumat akaun bank pemohon yang aktif
Salinan mykad anak yatim/balu yang memohon (jika berkaitan)
Salinan bil elektrik/bil air
Laporan polis
Laporan bomba (kes kebakaran, jika ada)
Gambar-gambar: a) Gambar kerosakan struktur yang jelas semasa/selepas bencana b) Gambar selepas kerja pembaikan (jika berkaitan)
Resit pembaikan (jika kerosakan telah dibaiki)
Surat perakuan muflis (jika berkiatan)

Nota:

- Permohonan dikemukakan dalam tempoh setahun dari tarikh bencana
- Resit asal kerja pembaikan perlu dilampirkan, invoice pembekal tidak diterima
- Kadar bantuan berdasarkan anggaran kos pembaikan bagi kerosakan struktur yang disyorkan oleh Jurutera JKR



KAD VETERAN (KV) ATM

TUJUAN

Sebagai pengenalan kepada Veteran ATM dan membolehkan Veteran ATM dan orang tanggungan yang layak untuk memohon bantuan kebajikan dan kemudahan perubatan yang disediakan oleh Kerajaan melalui JHEV ATM.

Kad Veteran ATM ini dikeluarkan mulai 1 April 2016 bagi menggantikan Kad Bekas Tentera yang dikeluarkan oleh Jabatan Arah Rekod dan Pencen.

DOKUMEN DIPERLUKAN

Borang 1 (Pendaftaran Veteran ATM)
Salinan kad pengalaman (veteran dan pasangan / balu)

Salinan Buku Pengakuan Perkhidmatan (BAT D 92 / BAT D 84 / BAT D 86)
atau salinan Sijil Berhenti atau surat pengesahan perkhidmatan

Salinan sijil nikah

1 keping gambar veteran ATM (no tentera dicatatkan di belakang gambar)



KEMUDAHAN PERUBATAN

KELAYAKAN WAD

Kelayakan kelas wad mengikut pangkat semasa veteran mendapat rawatan di hospital tentera atau hospital kerajaan. Kelayakan wad adalah seperti berikut:

PANGKAT	KELAYAKAN WAD	CATATAN
Mejar ke Jeneral	1A	Bilik Seorang
Letenan Muda ke Kapten Staf Sarjan ke Peg Waren 1	1B	Bilik Berdua
Koperal dan Sarjan	1C	Bilik Bertiga
Prebet dan Lans Koperal	2	-

DOKUMEN DIPERLUKAN UNTUK PERMOHONAN KEMUDAHAN PERUBATAN

Borang Permohonan 1/09

Salinan Kad Veteran

Salinan Buku Perkhidmatan

Salinan My kad pesakit

Laporan/surat pengesahan doktor hospital kerajaan

*Resit asal (bagi pembayaran balik)

*Salinan deskripsi ubat

*Sebut harga ubat/peralatan/perkhidmatan dari syarikat

Siji nikah (bagi permohonan balu)



RAWATAN JANTUNG DI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN BHD

SYARAT KELAYAKAN

Veteran ATM dan orang tanggungan yang berkelayakan telah mendapat rawatan di hospital/ klinik Kerajaan atau swasta; dan dirujuk oleh Pakar Perubatan Umum (Physician)/Pakar Kardiologi/Pakar Perubatan Kecemasan di hospital/ klinik Kerajaan atau swasta ke IJNSB.

Veteran ATM dan orang tanggungan yang berkelayakan mendapatkan kemudahan perubatan di IJNSB secara terus/*walk-in* tanpa rujukan pihak hospital/klinik Kerajaan atau swasta terlebih dahulu, kos rawatan pesakit tidak ditanggung oleh Kerajaan dan pesakit hendaklah menanggung sendiri kos rawatan tersebut kecuali melibatkan kes kecemasan. Namun demikian, JHEV ATM akan merujuk kepada Lembaga Penentu Sebab di Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM untuk tanggungan kos yang ditanggung oleh Kerajaan.

Syarat-syarat dan peraturan-peraturan bagi permohonan perbelanjaan untuk rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) adalah ditetapkan seperti berikut:

- i) permohonan perbelanjaan bagi rawatan di IJNSB boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat bahawa pesakit telah mendapat rawatan di hospital/ klinik Kerajaan atau swasta; dan dirujuk oleh Pakar Perubatan Umum (Physician)/Pakar Kardiologi/Pakar Perubatan Kecemasan di hospital/ klinik Kerajaan atau swasta ke IJNSB;
- ii) bagi pegawai atau pesara atau ahli keluarga mereka yang berkelayakan yang mendapatkan rawatan di IJNSB dalam keadaan kecemasan, prosedur permohonan perbelanjaan bagi rawatan kecemasan hendaklah dipatuhi; dan
- iii) permohonan hendaklah mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.


Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan peraturan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan seperti mana diperuntukkan dalam Ceraian SR.2.1.1

TUJUAN

Panduan ini bertujuan untuk melaksanakan peraturan permohonan perbelanjaan bagi Kemudahan Perubatan di Institut Jantung Negara (IJN) yang diperolehi oleh pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan.

Selaras hasrat mengutamakan kebajikan pegawai Perkhidmatan Awam, pelaksanaan berkaitan permohonan perbelanjaan kemudahan rawatan perubatan di IJNSB adalah seperti berikut:

- i) bagi pegawai/pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan, ibu bapa pegawai dan ahli keluarga yang berkelayakan, permohonan perbelanjaan kemudahan tersebut akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
- ii) bagi pegawai/pesara Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, ibu bapa pegawai dan ahli keluarga yang berkelayakan, permohonan perbelanjaan kemudahan tersebut akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh Ketua Jabatan masing-masing;
- iii) IJNSB hendaklah mengemukakan tuntutan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia atau Ketua Jabatan pegawai/pesara bagi perbelanjaan kemudahan rawatan perubatan di bawah tanggungan masing-masing; dan
- iv) penggunaan Borang Tuntutan 1/09 seperti di Lampiran SR.2.1.1(J) adalah tidak terpakai bagi kemudahan perubatan yang diperoleh di IJNSB sahaja.



RAWATAN PENYAKIT BUAH PINGGANG

SYARAT KELAYAKAN

Permohonan perbelanjaan bagi rawatan hemodialisis dan Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD) boleh dipertimbangkan sekiranya Pakar Nefrologi Kerajaan memperakukan keperluan rawatan berkenaan dan mengesahkan ia tidak dapat dibekal/disediakan oleh hospital/klinik Kerajaan.

Permohonan perbelanjaan bagi rawatan hemodialisis yang tidak dapat dibekal/disediakan oleh hospital/klinik Kerajaan terhad kepada perbelanjaan rawatan sahaja berdasarkan jumlah perbelanjaan sebenar dengan had maksimum sebanyak RM200.00 bagi setiap sesi rawatan.

TUJUAN

Untuk melaksanakan permohonan perbelanjaan bagi rawatan penyakit buah pinggang oleh Veteran ATM dan orang tanggungan yang berkelayakan

Perbelanjaan untuk pembekalan ubat dan alat pakai buang bagi rawatan CAPD boleh dipertimbangkan jika ia diperakukan tidak dapat dibekal/ disediakan oleh hospital/klinik Kerajaan.

Perbelanjaan yang telah dibuat di hospital/klinik swasta sebelum tarikh mendaftar dan disahkan menghidapi penyakit *end stage renal failure* oleh Pakar Nefrologi/pegawai perubatan di hospital/ klinik Kerajaan tidak boleh dipertimbangkan.

Perakuan dan pengesahan Pakar Nefrologi Kerajaan hanya perlu dikemukakan kepada Ketua Jabatan semasa permohonan kali pertama sahaja.

Permohonan perbelanjaan bagi pembedahan Arterio-Venous Fistula (AVF) di hospital/klinik swasta boleh dipertimbangkan sekiranya Pakar Nefrologi Kerajaan merujuk pesakit supaya menjalani pembedahan tersebut di hospital/ klinik swasta tertakluk kepada:

- a. Kelewatan menunggu giliran pembedahan AVF yang keterlaluhan di hospital Kerajaan; atau
- b. Pembedahan AVF pertama gagal; atau
- c. Kemahiran pembedahan AVF di hospital/klinik swasta adalah lebih baik berbanding di hospital/klinik Kerajaan.



RAWATAN KEPAKARAN DI HOSPITAL SWASTA DALAM NEGERI

SYARAT KELAYAKAN

Pesakit mendaftar di hospital kerajaan/tentera dan disahkan oleh Pakar Perubatan hospital bahawa beliau memerlukan rawatan khas yang mana tidak boleh diperolehi di hospital kerajaan/tentera.

Mendapat pengesahan Ketua Pengarah Kesihatan bahawa rawatan sedemikian tidak ada di hospital Kerajaan.

Pesakit mestilah mendapat kelulusan JHEV sebelum memulakan rawatan di hospital swasta dalam negeri.

TUJUAN

Untuk membolehkan Veteran yang memerlukan rawatan khas yang tidak boleh diperolehi di hospital kerajaan atau tentera, menerima rawatan kepakaran di hospital swasta dalam negeri dengan dibayar oleh JHEV.



RAWATAN KECEMASAN DI HOSPITAL DAN KLINIK SWASTA

SYARAT KELAYAKAN

Tempat kejadian kecemasan berhampiran dengan hospital swasta berbanding dengan hospital kerajaan.

Rawatan berkenaan adalah kes yang benar-benar memerlukan rawatan serta merta untuk menyelamatkan nyawa pesakit dan status kecemasan berkenaan disahkan oleh Pegawai Perubatan hospital swasta itu.

Perbelanjaan yang dipertimbangkan meliputi perbelanjaan rawatan bagi tempoh kecemasan sehingga pesakit boleh dipindahkan ke hospital Kerajaan, tetapi pesakit dikehendaki menanggung bayaran wad mengikut kadar kelayakannya di hospital kerajaan.

Permohonan perbelanjaan bagi rawatan kecemasan hendaklah disertakan laporan klinikal terperinci mengenai tindakan harian yang diambil ke atas pesakit daripada pakar perubatan hospital / klinik swasta yang merawat pesakit.

TUJUAN

Membolehkan veteran dan orang tanggungan mendapatkan rawatan yang diperlukan secara serta-merta bagi menyelamatkan nyawa pesakit



PEMBEKALAN UBAT

SYARAT KELAYAKAN

Ubat itu diperakukan (prescribe) oleh Pegawai Perubatan Kerajaan, terdapat dalam senarai ubat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)/ Formulari hospital universiti berkenaan tetapi disahkan tidak dapat dibekalkan oleh hospital Kerajaan.

TUJUAN

Pembekalan ubat yang diperaku oleh pegawai perubatan Kerajaan yang tidak dapat dibekalkan oleh hospital/ klinik Kerajaan

Perbelanjaan bagi pembelian ubat yang tiada dalam senarai ubat-ubat tersebut dapat dipertimbangkan sekiranya tiada alternatif bagi ubat berkenaan dan diluluskan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM (bagi rawatan di hospital KKM) atau Pengarah Hospital Universiti (bagi rawatan hospital Universiti).

Keperluan penggunaan ubat bagi suatu tempoh yang berpanjangan dibenarkan tetapi tertakluk kepada had perbelanjaan bagi pembekalan ubat untuk keperluan tempoh tiga bulan sahaja bagi setiap permohonan.

Tidak termasuk makanan tambahan (food supplements) dan ubat alternatif (alternative medicine).

TUJUAN

Pembekalan semua jenis atau kategori alat seperti berikut:

- Alat ortopedik
- Anggota palsu
- Alat bantu pendengaran
- Alat rawatan jantung
- Alat bantu pernafasan
- Koklea implan
- *Colostomy bag*
- *Urine bag*
- *Intraocular lens*



PEMBEKALAN ALAT

SYARAT KELAYAKAN

Diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dan disahkan tidak dapat dibekalkan oleh hospital kerajaan.

Perbelanjaan bagi membaik pulih atau menggantikan anggota palsu (permohonan bukan untuk kecantikan) boleh juga dipertimbangkan sekiranya diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dan disahkan tidak dapat dibekalkan oleh hospital kerajaan.

Veteran ATM perlu mengemukakan resit rasmi yang jelas butir tuntutan dan amaunnya bagi tujuan bayaran balik.

Penggantian bateri alat bantu pendengaran tidak di tanggung oleh kerajaan.

Alat pakai buang tidak ditanggung oleh kerajaan.

Perkhidmatan Perubatan

Perbelanjaan bagi mendapatkan perkhidmatan perubatan seperti CT Scan dan Magnetic Resonance Imaging (MRI) boleh dipertimbangkan sekiranya diperakukan keperluannya oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dan disahkan tidak dapat disediakan oleh hospital Kerajaan.



PERKHIDMATAN PERUBATAN

TUJUAN

Pengesahan sesuatu penyakit dapat dibuat dengan baik

SYARAT KELAYAKAN

Perbelanjaan bagi perkhidmatan perubatan *Computed Tomography Scan* (CT Scan) dan *Magnetic Resonance Imaging* (MRI) boleh dipertimbangkan dengan syarat pegawai/pakar perubatan Kerajaan memperakukan keperluan perkhidmatan perubatan tersebut dan mengesahkan bahawa ia tidak dapat dibekal/disediakan oleh hospital/klinik Kerajaan.



TUNTUTAN RAWATAN DI LUAR STESEN

TUJUAN

Kemudahan tuntutan perjalanan bagi Veteran ATM yang mendapatkan rawatan di luar stesyen

SYARAT KELAYAKAN

Diarahkan oleh hospital kerajaan setempat untuk mendapatkan rawatan di luar stesyen.

Mempunyai temujanji rawatan daripada hospital kerajaan.

DOKUMEN DIPERLUKAN

Borang tuntutan Elaun Perjalanan
Salinan buku temu janji untuk rawatan
Surat keperluan pengiring daripada Pegawai Perubatan Kerajaan
Resit penginapan
Resit tempat letak kenderaan
Resit tambang pengangkutan awam
Penyata tol Touch n Go.



PENCEN TERBITAN

TUJUAN

Pindah bayar pencen kepada orang tanggungan selepas penerima pencen perkhidmatan meninggal dunia

SYARAT KELAYAKAN

Balu/Duda

Anak (termasuk anak kandung, anak tiri, anak tak sah taraf dan anak angkat yang berumur kurang daripada 21 tahun atau belum berkahwin)

Anak yang cacat otak atau hilangupaya dari segi jasmani dan secara kekal dan tak berupaya menanggung nafkahnya sendiri

Ibu bapa (termasuk ibu bapa kandung, ibu bapa tiri, ibu bapa angkat atau penjaga).

DOKUMEN DIPERLUKAN

Kad veteran asal
2 Salinan kad veteran
2 Salinan mykad balu/penerima pencen
Salinan surat penjagaan anak (Pesuruhjaya Sumpah/Mahkamah/Pej Kadi) jika telah bercerai dan anak dijaga orang lain
Borang Maklumat Orang Tanggungan Kepada Pesara Tentera Meninggal Dunia (BQ-BP-04)
2 salinan sijil kematian veteran
2 salinan sijil nikah
2 salinan sijil cerai (jika bercerai)
2 Salinan mykad/sijil kelahiran anak veteran



PERTUKARAN AKAUN BANK

DOKUMEN DIPERLUKAN

Borang Permohonan Pertukaran Akaun Bank

Salinan mykad

Salinan buku akaun/Penyata Bank (akaun aktif)

SYARAT KELAYAKAN

Pertukaran akaun bank hanya dibenarkan sekali sahaja dalam tempoh setahun.


Permohonan pertukaran akaun bank ini tertakluk kepada pertimbangan JHEV ATM berdasarkan penjelasan yang kukuh/hasil siasatan yang dijalankan.

Permohonan penggunaan akaun bersama tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran khas Ketua Pengarah JHEV ATM.

Veteran ATM atau orang tanggungan hendaklah memastikan akaun bank lama tidak ditutup sehingga mendapat kelulusan pertukaran akaun bank baru daripada JHEV ATM. Kegagalan mematuhi perkara ini akan menyebabkan kelewatan pembayaran yang berkenaan.

TUJUAN

Untuk membolehkan pembayaran faedah persaraan dan bantuan-bantuan kebajikan atau *one off* kepada veteran ATM dan orang tanggungan



PERTUKARAN SKIM BAYARAN PENCEN

DOKUMEN DIPERLUKAN

Borang tukar skim (BQ-BP-07)

Salinan mykad

TUJUAN

Untuk memberi kemudahan bayaran daripada cara bayaran pencen Skim B (pengambilan di kaunter bank) kepada Skim A (kredit terus ke bank).

Salinan mykad balu/wakil

Salinan buku akaun



BANTUAN MENGURUS JENAZAH (BMJ)

TUJUAN

Bantuan kewangan untuk meringankan beban veteran dan waris dalam menguruskan jenazah. Untuk Veteran berpencen/waris diuruskan oleh Bahagian Pencen manakala Yayasan Veteran ATM menguruskan untuk Veteran tidak berpencen/waris. Permohonan atas talian di pautan <http://bmj.jhev.gov.my/>

KADAR

1. RM3,000 bagi kematian Veteran ATM
2. RM1,500 bagi kematian pasangan dan anak berumur 18 tahun ke bawah atau 21 tahun ke bawah bagi yang masih belajar dan anak di dalam kategori Orang Kelainan Upaya.

SYARAT KELAYAKAN

Tarikh kuatkuasa 15 Oktober 2010. Kes kematian sebelum tarikh tersebut tidak tertakluk pada faedah ini.

Kes kematian veteran berpencen.

Bayaran sekali sahaja dibayar pada waris terdekat yang menguruskan jenazah seperti berikut:

Situasi	Bayar Kepada
Veteran mempunyai 1 balu	Balu
Veteran mempunyai lebih daripada 1 balu	Balu yang menanggung perbelanjaan mengurus jenazah
Veteran tidak mempunyai balu tapi memiliki anak	Anak yang berumur melebihi 18 tahun (Jika lebih dari seorang perlu persetujuan semua anak melalui surat akuan sumpah untuk melantik seorang dari mereka sebagai penerima bayaran). Anak dibawah 18 tahun perlu dibayar melalui penjaga
Veteran bujang	Ibu atau bapa
Veteran tidak mempunyai balu, anak dan ibubapa	Orang perseorangan atau agensi yang menguruskan jenazah veteran tersebut

Tuntutan dibuat dalam tempoh 1 tahun dari tarikh kematian.

DOKUMEN DIPERLUKAN

Salinan mykad veteran/pasangan/waris

Sijil kematian/permit menguburkan

Buku perkhidmatan

Kad veteran

Sijil nikah



PENYATA PENCEN

SEMAKAN

Sebarang pertanyaan sila emelkan permasalahan dan butiran peribadi ke penyatajhevatm@mod.gov.my atau hubungi Bahagian Pengurusan Maklumat di talian 03-2050 8118 / 8101 atau Bahagian Kewangan di talian 03-2050 8161 atau melalui emel jhevbka9@yahoo.com

TUJUAN

Untuk memudahkan Veteran membuat semakan dan muat turun penyata pencen. Pengguna perlu mendaftar untuk membuat semakan dan muat turun penyata pencen di pautan <https://penyata.jhev.gov.my/penyata/>

ALAMAT, NO. TELEFON & E-MEL JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM

JHEV PUSAT (TH PERDANA)

Menara TH Perdana,
1001, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur

Pejabat Ketua Pengarah

Tel: 03-2050 8130
E-mel: dzulkarnain@mod.gov.my

Bahagian Pencen

E-mel: jhev.pencen@mod.gov.my

a. Inspektorat

Tel: 016-431 0182 (Whatsapp)
03 2050 8131

b. Faedah Perkhidmatan/Hilang Upaya

Tel: 03-2050 8078/8119

c. Faedah Kematian

Tel: 03-2050 8126/8133

d. Perubatan

Tel: 016-435 0182 (Whatsapp)
03-2050 8122

e. Pelarasan

Tel: 03-2050 8128

f. Perumahan

Tel: 03-2050 8129

g. ETPM/Ex Gratia/Nafkah

Tel: 03-2050 8066

h. Kad Veteran

Tel: 03-2050 8111

Bahagian Kewangan Akaun

Tel: 03-2050 8070/8167/8160
E-mel: jhev.bka@mod.gov.my

Bahagian Pengurusan Maklumat

Tel: 016-402 8180 (Whatsapp)
03-2050 8180
E-mel: bpmjhev@mod.gov.my

Yayasan Veteran ATM

Tel: 03-2050 8194
E-mel: yvatm@hotmail.com

Unit Komunikasi Korporat

Tel: 03-2050 8186
E-mel: jhev.ukk@mod.gov.my

Call Centre

Tel: 03-2697 6600

JHEV PUSAT (MEDAN TUANKU)

**301 Medan Tuanku,
Jalan Tuanku Abdul Rahman,
50802 Kuala Lumpur**

Bahagian Kebajikan

Tel : 016-740 0182 (Whatsapp)
E-mel : jhev.kebajikan@mod.gov.my

Bahagian Kerjaya Sosioekonomi

Tel : 03-2050 8028/8012
E-mel : jhev.bk@mod.gov.my

Bahagian Dasar

Tel : 03-2050 8021/8016
E-mel : jhev.bahagiandasar@mod.gov.my

Bahagian Khidmat Pengurusan

Tel : 03-2050 8000
E-mel : jhev.bkp@mod.gov.my

JHEV CAW SELANGOR & W.P. KL

Tingkat 1, 301 Medan Tuanku,
Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Peti Surat 13191,
50802 Kuala Lumpur
Tel : 03-2050 8060
E-mel : selangor.wp@gmail.com

JHEV CAW KEDAH, PERLIS & PULAU PINANG

286, Kompleks Shahab Perdana,
Lebuh Raya Sultanah Bahiyah,
05350 Alor Setar, Kedah
Tel : 04-733 2437
E-mel : jhevkpp@gmail.com

JHEV CAW PAHANG

Tingkat 1, Wisma Pahlawan,
Jalan Gambut,
25000 Kuantan,
Pahang
Tel : 09-514 2295/2235
E-mel : jhevpahang@yahoo.com

JHEV CAW PERAK

Lot UTC 27, Aras 2,
Pusat Transformasi Bandar Perak,
Off Jalan Dato' Onn Jaafar,
30300 Ipoh, Perak.
Tel : 03-2435 5063/5062
E-mel : jhevperak@yahoo.com

JHEV CAW KELANTAN & TERENGGANU

L202 Tingkat 2,
Bangunan UTC Kelantan,
15000 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-747 0289
E-mel : jhevelkelantan@yahoo.com

JHEV CAW MELAKA & NEGERI SEMBILAN

Aras 1-A Wisma Persekutuan,
Jalan MITC, Hang Tuah,
75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel : 06-234 5931/5932
E-mel : jhevmelaka@yahoo.com

JHEV CAW JOHOR

Bilik 4, Tingkat 9, Bangunan KWSP,
Jalan Datuk Dalam,
80000 Johor Bahru, Johor
Tel : 07-222 6564/67712
E-mel : jhevatmjhr@yahoo.com

JHEV CAW SABAH

Pintu C7-3, Tingkat 7, Blok C,
Bangunan KWSP, Jalan Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-268 461/59120
E-mel : jhevsabah@yahoo.com

JHEV CAW SARAWAK

Sublot 38 (Survey Lot No 4232) Blok 233,
Kuching North Land District,
Batu 6 1/2 Jln Penrissen,
93250 Kuching, Sarawak
Tel : 082-620 906/0907
E-mel : jhevsarawak@yahoo.com



www.jhev.gov.my



@JHEVATM



@MYJHEVATM



jhevatm



Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM



**KEMPEN
TABUNG PAHLAWAN**

